

07/02/1999

Rakyat patut sokong kejayaan kerajaan

KOTA BELUD: Kejayaan kerajaan mengatasi masalah negara dengan aman perlu dijadikan dorongan kepada rakyat untuk terus menyokong Barisan Nasional (BN), kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, ini berbeza dengan negara lain yang menggunakan kekerasan sehingga menimbulkan ketidakpuasan rakyat, sekali gus mencetuskan rusuhan.

"Kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak Julai 1997 misalnya, kini semakin pulih berkat pelan tindakan pragmatik dibuat kerajaan."

"Ini berbeza dengan negara lain yang menangani masalah berkenaan tanpa pelan berkesan sehingga menimbulkan kemarahan rakyat."

Beliau berkata demikian pada Majlis Pemimpin Bersama Rakan Muda, di Kampung Labuan, dekat sini semalam.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan (KBS) negeri, Datuk Tigabelas Datu Zainal Abidin dan Ketua Pengarah KBS Persekutuan, Raja Roslan Raja Samah.

Selain itu, katanya, walaupun masalah sosial dan politik berlaku di negara ini, tetapi kebijaksanaan kepemimpinan negara diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masalah berkenaan dapat diatasi.

"Walaupun berlaku sedikit masalah, ia dapat disuraikan dengan aman tanpa mengorbankan jiwa. Bagi golongan belia yang dikaitkan dengan gejala sosial pula, kita perkenalkan program Rakan Muda untuk mengatasi masalah berkenaan," katanya.

Mengenai sentimen kenegerian yang digunakan parti pembangkang untuk meraih undi, Muhyiddin berkata, sentimen itu amat sensitif dan sepatutnya tidak digunakan.

Katanya, tanpa perhubungan baik dengan Kerajaan Pusat pembangunan sukar disalurkan ke negeri ini.

"Saya mempunyai pengalaman sembilan tahun menjadi Menteri Besar Johor, dan yakin kemajuan Johor hari ini berpunca daripada hubungan baik dengan Kerajaan Pusat dan tidak wujud sentimen kenegerian di negeri itu," katanya.

(END)